

Ruslin sedia serah jawatan Datuk Bandar KL

KUALA LUMPUR 3 Julai - Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ruslin Hasan berkata, beliau sedia menyerahkan jawatan Datuk Bandar kepada pengganti yang baru apabila kontraknya tamat Disember ini.

Menurutnya, beliau dilantik oleh Perdana Menteri untuk memegang jawatan itu sehingga Disember ini.

Beliau berkata, jika masyarakat tidak mahu menerimanya, beliau bersedia melepaskan jawatan tersebut bila sampai waktunya.

"Saya berkhidmat dengan orang yang mahukan (perkhidmatan). Anda perlu bekerja keras, bertungkus lumus untuk berkhidmat kepada orang.

"Kalau masyarakat kata tak boleh berkhidmat, anda kena lepaskan. Senang saja, orang lain pula boleh ambil tempat itu. Tiada masalah tentang itu," katanya.

Ruslin berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan *Dialog Menggalakkan Perkongsian Polisi Mengekalkan Persekitaran Ekologi Masyarakat Bandar Afrika-Asia dalam Wilayah Selatan-Selatan*, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas spekulasi kedudukannya sebagai Datuk Bandar yang akan tamat tempoh perkhidmatannya pada 13 Disember ini.

"Saya telah berkhidmat sehabis baik setakat yang termampu, tapi kalau yang terbaik pada saya bukan terbaik pada pandangan masyarakat, saya tidak kisah berundur.

"Kita perlu berundur, tak perlu bertahan, kerana jawatan ini bukan hak persembirian. Ini jawatan umum dan sesiapa saja boleh mengganti," katanya.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasni Rafique minggu lalu berkata, Ruslin masih Datuk Bandar Kuala Lumpur sehingga tamat tempoh jawatan itu pada 13 Disember ini.

Menurutnya, isu siapa Datuk Bandar Kuala Lumpur akan datang masih terlalu awal untuk diperkatakan.